

| | | | |
|------------|----------------------|-------------|----------------------|
| Headline | Bahaya pokok tumbang | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 25 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 46,47 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1223 cm ² |
| Journalist | ROSKHOIRIAH YAHYA | AdValue | RM 24,172 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 72,515 |

SELASA • 25.12.2018

UTUSAN KOTA



UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Bahaya pokok tumbang



ORANG awam terdedah dengan bahaya pokok tumbang terutama ketika cuaca hujan.



KEADAAN pokok yang berpotensi untuk tumbang dan reput pada bila-bila masa di sekitar bahu jalan Apartmen Cheras Ria, Kuala Lumpur.



KEGAGALAN kerja-kerja mencantas dahan pokok oleh pihak berwajib mengundang bahaya kepada pengguna setiap kali melalui Jalan Semerah Padi, Cheras, Kuala Lumpur.



oleh ROSKHOIRIAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 DIS.

SELAIN banjir kilat, perubahan angin monsun yang dijangka berterusan sehingga Mac tahun depan turut mengundang satu lagi malapetaka yang digeruni warga kota iaitu pokok tumbang.

Bagi yang tinggal di Lembah Klang, masalah pokok tumbang di sepanjang jalan raya bukan sahaja berisiko meragut nyawa bahkan turut memusnahkan harta benda.

Pada tahun lalu seorang wanita yang menjadi pembonceng motosikal maut selepas dihempap pokok hujan-hujan yang tumbang berhampiran Menara Berkembar KLCC.

Sementara itu, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merekodkan sebanyak 3,454 kes pokok tumbang dilaporkan berlaku dari Januari hingga Oktober lalu dengan purata 298 kes sebulan di seluruh negara.

Berdasarkan statistik itu, orang ramai khususnya pengguna

Orang ramai khususnya pengguna jalan raya di kawasan bandar merupakan antara kelompok yang paling berisiko terlibat dalam kemalangan itu.

Malaysia (FRIM) yang menggesa pokok-pokok yang terlalu tua dikaji kekuatan sistem akarnya supaya tidak mudah rosak dan akhirnya tumbang.

Cadangan Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mahmud supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapatkan kepakaran khidmat arboris untuk memeriksa tahap ketahanan akar pokok juga tidak diketahui sejauh mana pelaksanaannya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan yang terdedah seperti di Jalan Ampang, Jalan Kuching, Melawati, Keramat, Semarak, Shah Alam dan Sentul mendapati kebanyakan pokok-pokok besar yang terletak di kaki lima jalan masih tidak banyak berubah berbanding tahun lalu.

Sebahagiannya bukan sahaja bersaiz besar dan merimbun sehingga menjadi sarang pembiakan gagak bahkan ada dahan-dahan yang sudah mereput dan jatuh di atas jalan raya.

Sementara itu tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Bandar Tasik Permaisuri, Jalan Semerah Padi, kawasan perumahan Cheras Ria dan jalan berham-

na jalan raya di kawasan bandar merupakan antara kelompok yang paling berisiko terlibat dalam kemalangan itu.

Selain pokok-pokok yang menghias landskap sepanjang jalan raya, orang ramai turut terdedah dengan bahaya pokok tumbang di kawasan perumahan dan taman-taman awam.

Di Kuala Lumpur sahaja misalnya, pokok-pokok yang menjadi sebahagian daripada landskap ibu kota boleh dikatakan berisiko untuk tumbang pada bila-bila masa.

Bahkan isu berkenaan pernah mendapat perhatian Institut Penyelidikan Perhutanan

| | | | |
|------------|----------------------|-------------|----------------------|
| Headline | Bahaya pokok tumbang | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 25 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 46,47 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1223 cm ² |
| Journalist | ROSKHOIRIAH YAHYA | AdValue | RM 24,172 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 72,515 |



PEMERIKSAAN berkala perlu dilakukan pihak berwajib bagi memastikan pokok-pokok sentiasa dalam keadaan baik.

piran Medan Connaught mendapati sebahagian dahan pokok berusia sudah melentur dan mencecah bahagian tepi jalan kerana sudah panjang dan berat.

Berdasarkan pemerhatian, ketidakstabilan cerun juga boleh membawa kepada kejadian pokok tumbang sekiranya tidak diambil perhatian.

Sehubungan itu, orang ramai mahu pihak berkuasa tempatan mengambil langkah keselamatan berkenaan isu ini supaya tiada lagi pengguna jalan raya menjadi mangsa kejadian pokok tumbang.

Rata-rata orang ramai yang ditemui berkata, walaupun menyedari kepentingan pokok-pokok berkenaan kepada manusia, pihak bertanggungjawab perlu serius menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala termasuk mencantas dahan atau menebang pokok berkenaan.

Utusan Malaysia diberitahu, bagaimanapun tindakan itu hanya diambil setelah menerima laporan dan aduan daripada penduduk. Janganlah menunggu ada nyawa yang melayang, baru tindakan mahu diambil.

REAKSI



"KAMI tidak tidur lena setiap kali hujan kerana bimbangkan keselamatan. Baru-baru ini, sebatang pokok tumbang di sekitar Cheras Ria sehingga merosakkan kenderaan.

NAJIHAH RAZALI
Penduduk Cheras Ria



"KONTRAKTOR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada melakukan kerja-kerja memotong dahan reput di sekitar perumahan di ibu negara, namun agak terkilan ia dilakukan hanya selepas menerima aduan daripada penduduk.

ARSIYOH MAMAT
Peniaga



"PEMERIKSAAN secara berkala perlu dilakukan pihak berwajib terutama terhadap pokok-pokok yang berusia kerana ia boleh tumbang bila-bila masa sahaja."

LEE FOOK FAH
Pemandu teksi